

CLOMAZOL CREAM

Clotrimazole (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Clomazol
2. Bagaimana Clomazol berfungsi
3. Sebelum mengambil Clomazol
4. Cara menggunakan Clomazol
5. Semasa menggunakan Clomazol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Clomazol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Clomazol

Ia digunakan untuk merawat jangkitan kulat seperti panau, jangkitan kulat kaki, ruam lampin bayi, candidiasis (seriawan mulut dan vagina) dan ruam akibat peluh.

Bagaimana Clomazol berfungsi

Ia mengandungi clotrimazole, sejenis antikulat yang melawan punca jangkitan kulat.

Sebelum mengambil Clomazol

- Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap clotrimazole atau ramuan-ramuan lain Clomazol.

- Sebelum mula mengambil

Jangan membalut luka dengan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor. Keselamatan penggunaan untuk kehamilan atau menyusukan anak belum dipastikan lagi. Jadi, sila beritahu doktor jikalau mengandungi atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat-ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Clomazol

- Berapa banyak harus diguna

Sapu secukupnya pada bahagian kulit berkenaan dua atau tiga kali sehari, dan sambung untuk 1 – 2 minggu lagi selepas jangkitan sembuh.

- Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika mengguna berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Clomazol

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Kadangkala, ruam atau gatal kulit, lepuh, rasa pedih, mengelupas, merah, bengkak atau iritasi kulit mungkin berlaku. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Clomazol

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: clotrimazole
- Bahan tidak aktif: liquid paraffin, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, chlorocresol, disodium edetate dan air.

- Nombor MAL:

MAL19900294XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/04/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)040417/00050